

MEDAN BAHASA

Bahasa Indonesia – Bahasa Rasmi Indonesia

Dua takrif bahasa yang bertentangan telah menjadi perbahasan yang hebat di Persidangan Konstistuant Indonesia baharu-baharu ini. Takrif yang pertama berbunyi: “Bahasa rasmi negara ialah bahasa Indonesia” dikemukakan oleh Tuan Hamka (Masyumi), manakala takrif yang kedua pula berbunyi: “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Indonesia” dikemukakan oleh Tuan Nor Sutan Iskandar (Nasionalis). Di bawah ini diturunkan ucapan Tuan Hamka dengan sepenuhnya:

Sesungguhnya tidaklah akan ada suara lain atau pendapat lain yang mengatakan ada bahasa selain dari bahasa Indonesia yang telah dapat atau akan dapat menjadi bahasa persatuan. Kami (Masyumi) menyedari bahawa yang telah kita tukar namanya ini, dari bahasa Melayu kepada bahasa Indonesia telah beratus-ratus tahun lamanya menjadi bahasa pengantar, bahasa perhubungan di antara sebuah pulau dengan pulau yang lain, dan satu daerah dengan daerah yang lain, lama sebelum Portugis mendatangi alam Indonesia pada tahun 1511, lama sebelum kedatangan Belanda pada tahun 1596 – bahasa yang kita namai bahasa Indonesia ini telah menjadi bahasa yang lebih tinggi darjatnya dari semata-mata bahasa penghubung pulau ke pulau, bahkan telah menjadi bahasa persatuan di antara raja-raja, meskipun masing-masing daerah tidak pernah melepaskan bahasa daerahnya.

Penyelidikan yang akhir sekali ialah surat pusaka keterangan bukit, tahun saka 605, (863 M.), bersamaan dengan tahun 62 hijrah, iaitu 52 tahun sesudah Nabi Muhammad (SAW) wafat. Dalam surat pusaka itu ada tersebut bahawa “Dapunta Hyang datang ke Srivijaya, melalui Melayu, dari satu tempat bernama “Minanga Tamuan”. Menurut penyelidikan yang akhir sekali, bahawa Minanga Tamuan itu ialah Minangkabau. Surat pusaka itu ditulis dalam bahasa Melayu Tua.

Hingga hari ini, itulah penyelidikan yang akhir sekali tentang setakat mana tuanya usia bahasa Melayu. Harus di belakang hari akan ada pula hasil penyelidikan yang menunjukkan tentang lebih tuanya lagi, tetapi untuk mencapai usia 6,000 tahun, tentu agak payah juga menyusun cerita dan beritanya.

Ilmu Pengetahuan Islam

Dalam zaman ilmu pengetahuan yang dipelopori oleh ulama-ulama Islam di Aceh, di dalam kurun yang keenam belas dan ketujuh belas, ilmu pengetahuan yang tinggi-tinggi dalam hal Islam, seumpama ilmu fikah, ilmu tauhid, ilmu kalam dan lain-lain, telah mereka salin dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Ada juga saduran dan karangan mereka sendiri. Meskipun dalam percakapan hari-hari mereka tetap memakai bahasa Aceh, tetapi Abdul Rauf Fansuri, ialah orang yang mula-mula menyalin tafsir Quran ke dalam bahasa Melayu (Indonesia).

Hamzah Fansuri pula telah mengarang ilmu tasawuf yang tinggi, dan ia terhitung seorang pujangga Melayu klasik yang syair-syairnya dan buah tangannya menjadi salah satu pangkalan dalam mempelajari bahasa Indonesia moden sekarang ini. Demikian juga ilmu pengetahuan yang sesuai bahasanya dengan zamannya, yang dikarang oleh Shaykh Abdul Samad Palembang, Shaykh Arshad Banjar dan lain-lainnya. Ahli tasawuf di Tanah Jawa mengakui bagaimana besarnya pengaruh tasawuf Hamzah Fansuri dalam perpustakaan Jawa, yang ia tulis dalam bahasa Melayu. Tandanya, bahawa dalam kalangan ilmu pengetahuan di Jawa pun pada masa itu memakai bahasa Melayu.

Undang-undang dan Sastera

Undang-undang "Potomorohom" pada zaman Iskandar Muda Mahkota Alam di Aceh, ditulis dalam bahasa Melayu. Undang-undang "Simbur Cahaya" kerajaan Palembang ditulis dalam bahasa Melayu. Undang-undang kerajaan Banjar Masin yang disusun pada zaman Sultan Adam *al-Wathiq Billāh* (naskhahnya dalam simpanan Tuan Amir Hasan Bundan, ahli sejarah Banjar dan Dayak), ditulis dalam bahasa Melayu juga.

Ahli sastera mulai dari Shaykh Nuruddin

al-Raniri, Tun Sri Lanang, sampai kepada Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, membawa kepada Raja Ali (al-Hāj) Riau, melalui kurun ketujuh belas dan kedelapan belas, semuanya telah menulis dalam bahasa Melayu. Bahkan demikian keahlian Abdullah bin Abdul Qadir Munsyi dalam bahasa Melayu sehingga beberapa paderi Katolik dari Eropah datang belajar kepadanya dan meminta pertolongan di dalam menyalin kitab-kitab Injil ke dalam bahasa Melayu. Sebagai seorang Muslim, Munsyi Abdullah telah memegang teguh pendirian keikhlasan Islam, dengan sukarela ia telah memberikan pertolongan itu.

Bangsa asing sesama bangsa asing memakai bahasa Melayu untuk menghubungkan fikiran sesama mereka. Orang Indonesia dari berbagai pulau sudah sangat lama memakai bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan.

Setelah mulai timbul pergerakan kebangsaan dalam tahun 1900, Almarhum Haji Omar Said Tjokro Aminoto, apabila bersyarah di luar daerah yang berbahasa Jawa, ia memakai bahasa Melayu.

Ketika ulama-ulama Islam bertukar fikiran tentang faham lama dan faham baharu di Sumatera semenjak tahun 1909 sampai kepada tahun 1916, mereka telah berhujah dan mengarang dalam bahasa Melayu. Undang-undang dasar syarikat Islam tahun 1911 ditulis dalam bahasa Melayu. Undang-undang Dasar Muhammadiyah tahun 1912 ditulis dalam bahasa Melayu.

Usaha Belanda Gagal

Melihat pengaruh dan kekuasaan Melayu yang sedemikian besarnya yang nampaknya harus menimbulkan kesatuan kesedaran bangsa Indonesia, Belanda pun berusaha

memajukan bahasa Belanda bagi menggantikan kedudukan itu, untuk alat menjajah. Diaturilah jalan pendidikan dan pelajaran, bagi menjauhkan pengaruh bahasa Melayu. lebih-lebih lagi pada zaman itu **bahasa Melayu mempunyai pula huruf kesatuan iaitu huruf Arab, yang telah dimelayukan**, ditambah dengan Cha – Nga – Fa – Ga – Nya, yang setengah daerah dinamai huruf Jawi, dan setengah lagi dinamai huruf pegun atau huruf Melayu. Demikian pula Pangeran Depongoro di Mengkasar, nama dan tarikh wafatnya dengan huruf itu.

Salinan kitab Taurat dan Injil pun dahulu ditulis dengan huruf itu juga.

Tetapi, lain yang dikehendaki, lain yang terjadi. Terbalik dari pepatah: “Padi ditanam lalang yang tumbuh”. Belanda menanam lalang, tetapi padilah yang tumbuh. Pelopor dan penganjur-penganjur yang menentang penjajahan Belanda secara teratur, dengan semangat kebangsaan, tiba-tiba berpindah dari tangan penganjur-penganjur agama seperti Pangeran Depongoro, Imam Bonjol dan lain-lain ke dalam tangan penganjur-penganjur yang dididiknya dalam bahasa Belanda itu.

Orang-orang yang pada mulanya diharapkan menjadi pelopor bagi menggantikan bahasa Melayu dengan bahasa Belanda jadi bahasa persatuan, tiba-tiba telah menjadi sebagai pepatah: “Keris makan tuannya”. Pemuda-pemuda itu tidak mahu. Kesedaran mereka tentang persatuan bangsa tidak dapat dihambat lagi. Maka timbullah sumpah pemuda pada bulan Oktober 1928.

Mereka bersumpah di hadapan sejarah, di hadapan persada kesedaran bangsa bahawa bahasa kesatuan ialah bahasa Indonesia, bukan bahasa Belanda.

Walaupun selama ini mereka terdidik dalam bahasa Belanda, walaupun bagi setengah mereka masih sukar

mengucapkan bahasa Melayu itu, kerana semenjak kecil, (semenjak mereka bersekolah rendah membawa kepada sekolah tinggi), hanya diajar dengan bahasa pengantar: bahasa Belanda. Dan walaupun bagi setengah mereka, sampai sekarang pun, setelah dua belas tahun merdeka, ada juga yang masih kekok bercakap dalam bahasa Indonesia! Bahkan sampai kepada masa sekarang ini pun, setelah dalam undang-undang dasar sementara dituliskan bahawa bahasa Indonesia ialah bahasa rasmi, dalam kementerian sendiri pun masih banyak terdengar bahasa Belanda.

Bahasa Daerah – Bahasa Kebangsaan

Sebab itu, Masyumi terhadap bahasa persatuan ini tidaklah mempunyai kata lain.

Masyumi mencadangkan supaya dalam undang-undang dasar dicantumkan ayat tentang bahasa itu demikian:

1. Bahasa rasmi negara ialah bahasa Indonesia.
2. Pemeliharaan dan pemakaian bahasa daerah diatur oleh undang-undang.

Masyumi tidak memakai rumus “bahasa kebangsaan ialah bahasa Indonesia”, sebabnya ialah, jalan fikiran kami (Masyumi) tidak dapat menolak bahawa bahasa-bahasa daerah itu pun ialah bahasa kebangsaan kita. Kami amat keberatan jika bahasa-bahasa: Sunda, Jawa, Bugis, dan juga Minangkabau, dan lebih dari dua ratus bahasa daerah yang lain, jika dipandang tidak termasuk bahasa kebangsaan kita. Berbagai aneka warnanya bahasa-bahasa daerah itu adalah kepunyaan kita belaka: “Bhinneka Tunggal Ika”.

Tetapi kami memilih di antara 200 macam bahasa daerah kepunyaan kita itu, satu dijadikan bahasa rasmi, iaitu bahasa Indonesia, kerana yang satu itu memang semenjak dahulu, sampai seribu tahun telah tumbuh menjadi bahasa persatuan dengan suburnya.

Perkataan Rasmi

Tidaklah kami sefaham dengan anggota Yang Terhormat Nur Sutan Iskandar, tentang susunan rumusan, meskipun sefaham menetapkan bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan. Beliau mengemukakan rumusan: “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Indonesia”. Kerana beliau hendak mengelak daripada memakai kata “rasmi”, yang kata beliau tidak asli Indonesia. Kalau kita turut jalan fikiran seperti ini, alangkah payahnya kita mencari ... dan berapa kalimah yang asli dalam bahasa kita ini ...?

Dipandang dari segi “rasa bahasa”, (ilmu balaghah), lebih fasihlah jika dirumuskan: “Bahasa rasmi negara ialah bahasa Indonesia”, daripada susunan: Bahasa kebangsaan ialah bahasa Indonesia”...

Beliau mengatakan pula bahawa kalau dipakai kalimah “rasmi” ertinya tanda ada niat hendak menggantikannya dengan bahasa yang lain kelak kemudian hari. Buktinya kata beliau, negara-negara Pakistan, India dan Filipina menetapkan dengan rasmi memakai bahasa Inggeris untuk sementara, kerana bermaksud hendak menggantinya dalam jangka sekian tahun, dengan bahasa mereka yang asli. Pada fikiran kami (Masyumi), mengertikan “rasmi” ialah kerana ada niat hendak menggantinya dengan bahasa yang lain ... adalah satu tafsiran yang jauh dari benar.

Kalau hendak menggantikan bahasa Indonesia yang ada ini dengan yang lain, mestilah kita menanam benihnya dahulu dari sekarang, supaya dapat dipakai sekurang-kurangnya 500 tahun lagi!

Dan lagi kalau kita pakai susunan kata untuk undang-undang dasar: “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Indonesia” adalah lebih menyinggung perasaan juga

iaitu seakan-akan bahasa-bahasa daerah yang banyak itu bukan bahasa Indonesia.

Bahasa Demokratik

Bahasa Indonesia mudah dipakai, dapat memberi dan dapat menerima, mudah diperkembangkan dan demokratik sedang bahasa daerah banyak yang terikat oleh susunan berat, ada yang bertingkat sampai lima, seperti bahasa Jawa. Demikian juga terdapat banyak atau sedikit dalam bahasa-bahasa daerah yang lain.

Bahasa Daerah Wajib Dipelihara

Kami (Masyumi) meletakkan perhatian yang penuh kepada bahasa-bahasa daerah, dalam rangka:

“Bhinneka Tunggal Ika” tadi, supaya dia tetap terpelihara dan terpakai. Bukan sahaja kerana kekayaan jiwa kita sebagai bangsa tersimpan dalam bahasa-bahasa daerah itu; bukan sahaja kerana di dalam bahasa-bahasa daerah tersimpan perpustakaan pusaka nenek moyang kita yang mendalam, dan juga falsafah dan hikmah mereka; bukan sahaja kerana itu, tetapi terutama lagi ialah kerana di dalam bahasa-bahasa daerah itulah sebenarnya terletak sandaran kebangsaan kita. Saya sendiri mengaku terus-terang, bahawa cinta saya kepada tanah air saya Indonesia, yang terbatas dari Sabang sampai ke Marauki, adalah berpangkalan di Minangkabau! Dari pepatah dan petitihnya, dari pantun dan talibunnya, dan dengan kesedaran kebangsaan yang luas dan dalam, saya sumbangkan hasil rasa itu ke atas persada tanah air kita.

Tentu seperti saya itu pula saudara-saudara yang lain. Dan itu tidaklah perlu disembunyikan kerana dia adalah barang yang nyata dan tidak salah!

Kita bangsa Indonesia berbahagialah sekali mempunyai bahasa daerah sebanyak itu, menjadi pangkal kekayaan

Sambungannya pada muka 37

Bahasa Rasmi Indonesia

Sambungan dari muka 12

budaya, tidak menjadi pangkal sengketa. Sebagaimana terdapat di negara-negara lain, sebagai di India dan Ceylon, bahasa daerah menyebabkan perpecahan, sebagaimana yang pernah kita baca dalam surat-surat khabar.

Oleh sebab itu kami (Masyumi) tidaklah bersetuju kalau pemeliharaan bahasa daerah hanya diserahkan sahaja kepada peraturan menteri, tidak dijamin oleh undang-undang. Oleh itu kami mengusulkan rumusan dalam undang-undang dasar: "Pemeliharaan dan pemakaian bahasa daerah diatur oleh undang-undang."

Terhadap suatu jalan fikiran supaya bahasa-bahasa daerah itu pun disamakan kedudukannya di dalam undang-undang dasar dengan bahasa Indonesia, kami (Masyumi) tidaklah menyetujui, sebab yang demikian itu bukanlah maknanya persatuan tetapi memperbanyak kembali yang telah satu, dan meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya.

Hasil Kongres Bahasa di Medan

Di dalam Kongres Bahasa Indonesia yang bersidang di Medan pada akhir tahun 1954, panjang lebar ahli-ahli bahasa memperbincangkan bahasa Indonesia. Akhirnya dapatlah disatukan pendapat dan dirumuskan bahawasanya: "Bahasa Indonesia adalah berasal dan berdasarkan kepada bahasa Melayu". Dan dalam memperkembang bahasa Indonesia itu jika tidak terdapat satu maksud kata yang baharu di dalam bahasa Melayu, akan diambil kalimah yang sesuai dari bahasa daerah. Dan jika tidak terdapat dalam bahasa daerah, baharulah diambil dari bahasa tetangga yang dekat hubungan kebudayaannya dengan kita.

Terbuktilah bahawa ahli-ahli itu telah mendapat kesimpulan bahasa daerah boleh memperkaya bahasa Indonesia baharu,

dan proses memperkaya itu telah berjalan dengan baik.

Apabila bahasa daerah telah dijamin pemeliharaannya dengan undang-undang, dan ada berbagai jaminan itu dalam undang-undang dasar, hilanglah persangkaan setengah golongan, bahawa dengan bahasa Indonesia bahasa daerah hendak ditinggalkan...

Tentang pemakaian bahasa asing, kami memandang tidak perlu dimasukkan ke dalam undang-undang dasar. Kami pun menyedari soal bahasa asing yang mempunyai segi-segi yang kusut masainya. Tetapi tidaklah perlu soal itu dimasukkan ke dalam undang-undang dasar. Bahkan kita akan tetap memperkaya bahasa Indonesia dengan bahasa asing, kita jadikan kalimah asing itu bahasa dan kalimah Indonesia, sesudah kita sesuaikan dengan lidah kita. Kerana kalau tidak begitu, bahasa kita akan mati dan membeku, tidak dapat menampung perkembangan ilmu pengetahuan yang telah sangat berkembang di dunia moden ini.

Bahasa al-Quran

Ada satu hal yang kami minta dengan sangat supaya dipertimbangkan, untuk menjaga perasaan halus kita. Iaitu di dalam menuliskan bahasa-bahasa yang dimasukkan golongan asing, kami sangat mengharap janganlah bahasa Arab dimasukkan daftar bahasa asing. Sebab bagi sebahagian terbesar bangsa Indonesia, dan bukan hanya yang masuk parti-parti Islam sahaja, tetapi bagi semua orang yang beragama Islam, bahasa Arab itulah, atau tugasnya bahasa al-Quran itulah yang mula-mula sekali didengarnya waktu dia mulai lahir dari dalam perut ibunya, sebab dia disambut dengan azan: "*Allāh Akbar*". Dan bagi sebahagian terbesar itu pula, dengan bahasa itulah dia menyeru nama Tuhan, sekurang-kurangnya lima kali sehari semalam. Oleh sebab itu bagi mereka bahasa Arab bukan asing lagi. Maka menggolongkan bahasa Arab yang demikian pertaliannya dengan kehidupan

mereka, adalah sangat menyinggung kepada perasaan.

Apakah sebabnya hal ini saya memperingatkan? Sebab perasaan kebangsaan itu kadang-kadang memuncak demikian tinggi, sehingga menjadi penyakit yang akan membawa hancur bangsa itu sendiri. Itulah penyakit “*Chauvinism*”. Di Turki misalnya, setelah rasa kebangsaan itu meluap-luap dalam tahun 1922, Kamal Atatürk hendak membersihkan bahasa Turki dari segala pengaruh bahasa asing, termasuk bahasa Arab, yang telah seribu tahun lebih memperkaya bahasa Turki. Dan kebangsaan yang meluap-luap itupun membabit sampai kepada soal-soal agama, sehingga azan (bang) mesti diucapkan dalam bahasa Turki, dan siapa yang masih menyerukan azan dalam bahasa Arab dihukum. Katanya pemerintah nasional Turki, neutral, tidak mencampuri agama, tetapi dengan memaksa menterjemah azan ke bahasa Turki itu, dia telah mencampuri agama.

Kemudian rupanya usia bangsa Turki itu lebih panjang dari usia Kamal Atatürk. Saya ulangi sekali lagi “Usia bangsa Turki lebih panjang dari usia Kamal Atatürk”. Setelah beliau meninggal dunia dan sehabis Perang Dunia yang Kedua, naiklah Presiden Jalal Bayar, orang pun kembali berazan dalam bahasanya yang asli (bahasa Arab). Ketika suara azan asli itu terdengar kembali di kemuncak-kemuncak menara masjid-masjid Istanbul dan bandar yang lain-lain, rakyat Turki tidaklah dapat menahan air matanya, sebab barang sucinya yang telah dirampas dengan paksa selama 25 lima tahun telah kembali, barang yang amat suci dalam kepercayaan mereka.

Saya belum melihat tanda *chauvinism* (sifat mendewa-dewakan bangsa sendiri dan menyinggung bangsa

lain – P.) yang parah itu di negara kita ini dalam soal bahasa. Yang saya lihat baharu ialah mengelak dari bahasa sendiri, mengelak dari bahasa Melayu yang cukup mempunyai kata-kata, dan tidak mahu menerima bahasa asing, dan “*moh*” kepada bahasa Arab, lalu masuk ke dalam bahasa khayali, bahasa yang telah lama hilang, supaya enak didengar, tetapi tidak diterima oleh telinga seluruh bangsa Indonesia.

Misalnya: “Cendera di muka, bahaya angkara, saptadarma, pancasila, darmawisata, pancakarya, purbawisesa” dan akan banyak lagi yang lain yang akan menuruti, kalau dibiarkan berturut-turut. Sehingga kadang-kadang saya tercengang-cengang adakah kita akan dibawa ke zaman Ai Langga atau Majapahit dengan Gajah Madanya, atau Srivijaya dengan Demang Lebar Daunnya, sehingga dengan itu, kita telah menjadi sangat maju.... ke belakang.

Mudah-mudahan kita sebagai bangsa janganlah ditimpa penyakit *chauvinism* dalam bahasa dan dalam hal lain pun, atau tidak berketentuan lagi, hendak ke mana kita dibawa dari pemakaian bahasa ini.

Sebagai penutup saya ulangi sekali lagi usul kami (Masyumi) berkenaan dengan bahasa, untuk diletakkan dalam undang-undang dasar.

- 1). Bahasa rasmi negara ialah bahasa Indonesia.
- 2). Pemeliharaan dan pemakaian bahasa daerah diatur dengan undang-undang.

- Dari *Hikmah*.